

Perdebatan isu perkauman boleh cetus ketegangan

Oleh Jamhariah Jaafar

RAKYAT Malaysia harus menerima hakikat bahawa mereka mendiami sebuah negara berbilang kaum yang hidup aman dan damai serta saling berusaha untuk bertolak ansur. Kerajaan sendiri berusaha sedaya upaya agar rakyat dapat menjalani hidup dengan tenang dan harmoni.

Bagi memastikan impian untuk terus wujud sebagai sebuah negara pelbagai bangsa dan hidup dalam suasana tenteram dan harmoni, satu-satunya isu yang wajar tidak diperdebat secara lantang ialah isu perkauman. Ia adalah satu cara untuk mengelak permusuhan, bersangka buruk dan saling menyalahkan antara satu sama lain.

Sama ada dipersoal secara lantang atau disimpan di dalam hati, tidak ada siapa boleh menafikan bahawa ia akan terus wujud dalam sanubari. Tetapi jika diperdebatkan dengan hebat sudah pasti akan mewujudkan keadaan satu bangsa akan 'menyerang' bangsa lain dan jika tidak dikawal mungkin boleh mencetus perasaan tidak puas hati.

Rakyat Malaysia, baik Melayu, Cina, India, Punjabi, Kadazan, Iban atau apa saja etnik, sudah pasti bangsa dan akan terus menjunjung budaya, amalan dan tradisi yang membuatkan mereka tahu dan sedar kedudukan dan asal usul mereka.

Tidak ada salahnya sekiranya kita cuba mempertahankan atau meningkatkan bangsa masing-masing dari segi ekonomi, pelajaran dan agama asalkan ia tidak menjejaskan atau mencetus kemarahan bangsa lain yang turut mendiami negara ini.

Perdebatan mengenai perkauman yang tercetus kali ini mungkin susulan daripada Persidangan Agung Umno 2006 yang disiarkan secara langsung menerusi televisyen ke seluruh negara.

Perbezaan perhimpunan agung kali ini hanya satu iaitu disiarkan secara langsung ke seluruh negara. Perdebatan membabitkan nasib orang Melayu yang dibincang sesama Melayu, disiarkan secara langsung yang membolehkan orang lain turut mengikutinya.

Hasilnya, jika selama ini warga Malaysia lain hanya membaca akhbar dan melihat sedutan perbincangan menerusi televisyen, kali ini ramai boleh melihat cara perwakilan Umno berdebat mengenai isu berkaitan bangsa Melayu.

Sudah pasti sekiranya ada perdebatan, maka akan berlakulah analisis mengenai punca, kelemahan, kritikan dan laungan ke arah untuk menyedarkan bangsa Melayu yang didakwa masih 'lemah' terutama dari segi kedudukan ekonomi, berbanding bangsa lain yang dipercayai menguasai 80 peratus ekonomi negara.

Mungkin bangsa lain agak terkejut melihat betapa perwakilan Umno bercakap berapi-api, apa lagi mengenai punca kelamutan yang dihadapi bangsa Melayu.

Kelmarin, Jawatankuasa Pengurusan Umno bermesyuarat di Putrajaya untuk memanggil beberapa perwakilan yang dikenali pasti menggunakan perkataan dan bahasa sensitif sehingga 'menyinggung perasaan' pada perhimpunan agung parti, baru-baru ini.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata selepas menemui mereka terbabit, jawatankuasa berkenaan akan me-

entukan bentuk tindakan yang akan diambil terhadap mereka jika perlu.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno, bagaimanapun enggan menyatakan jumlah mereka terbabit serta bentuk tindakan yang diambil, sama ada membabitkan tindakan dalaman parti atau undang-undang negara seperti akta hasutan.

Sebaliknya, beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, perjumpaan berkenaan bertujuan untuk mengingatkan mereka bahawa semua pihak termasuk ahli Umno sentiasa tertakluk kepada undang-undang. Justeru, rakyat negara ini harus mengambil iktibar daripada perkara itu.

Jika dianalisis secara berhemah, majoriti pembahas sudah pasti akan bercakap mengenai nasib bangsa Melayu kerana ini adalah perhimpunan bagi parti yang memang berjuang untuk menjulang martabat Melayu. Perwakilan yang menjadi pembahas sudah pasti akan cuba menarik perhatian setiap perwakilan.

Gaya ucapan, gerak badan dan pengisian ucapannya mesti bertenaga, hidup dan penuh semangat serta berkualiti kerana niat setiap mereka adalah bagi terus menyemarakkan semangat bangsa Melayu untuk menjadi bangsa yang unggul di tanah air sendiri.

Jika kita biasa mendengar perbincangan seumpama, kebanyakan pembahas sudah pasti akan menyelitkan ungkapan penuh semangat. Mungkin ada yang benar-benar ikhlas dan jujur, tapi selalunya ramai yang hanya 'cakap berapi' semata-mata untuk memastikan dia mendapat perhatian daripada perwakilan dan pucuk pimpinan,

mungkin jika bernasib baik mendapat tempat di dada akhbar.

Mungkin ramai orang lupa bahawa ini adalah perhimpunan 'orang politik', masing-masing pembahas sudah pasti akan cuba melonjakkan kewibawaan masing-masing, manalah tahu 'untung sabut timbul' yang boleh memikat hati kepimpinan tertinggi sama ada untuk dipilih bertanding pada pilihan raya akan datang atau terpilih ke jawatan lebih tinggi.

Setiap bangsa di Malaysia perlu ikhlas apabila membuat analisis apa lagi mengkritik tindakan parti Melayu, yang memang seharusnya membincangkan hal dan hak Melayu di gelanggang sendiri.

Keadaan yang sama berlaku pada perhimpunan agung bangsa lain, baik MCA, MIC, Gerakan atau mana-mana parti politik lain, mereka sudah pasti turut membincang dan meluluskan resolusi membabitkan kepentingan kaum masing-masing.

Semua pihak perlu insaf, Perhimpunan Agung Umno adalah gelanggang politik dan orang yang bercakap adalah orang politik. Jadi, apa yang diperkatakan selalunya membabitkan perasaan kumpulan yang diwakilinya dan secara akademik, ucapan dibawa orang politik juga boleh menggambarkan perjuangan serta kewibawaan pembahas sebagai pemimpin.

Umno boleh membenarkan perwakilan meluahkan segala masalah yang dihadapi bangsa mereka, mengenal pasti puncanya bagi memastikan semangat perjuangan bangsa Melayu tidak akan luntur, asalkan luahan pendapat itu lebih berhemah dan tidak menyakitkan hati orang lain.

BH- 30/11/2006